

Puteri perlu kerja keras: Azalina

BH 12 MAY 2002

Oleh JAMHARIAH JAAFAR

SHAH ALAM: Ahli Puteri Umno dinasihatkan tidak terlalu memikirkan mengenai jawatan atau apa yang mereka boleh dapat daripada parti, sebaliknya harus mengutamakan apa yang boleh disumbangkan kepada parti, kata Ketua Jawatankuasa Penajanya, Azalina Othman.

Beliau berkata, apa yang patut difokuskan oleh Puteri ialah bagaimana untuk menambah keahlian dan memberi khidmat terbaik untuk meningkatkan martabat bangsa Melayu.

“Fikirlah apa yang kita beri kepada Umno. Apa yang penting ialah khidmat dan jika semua hendak jawatan maka susahlah.” katanya ketika ditemui selepas perhimpunan sempena ulang tahun Umno ke-56, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kedudukan dan hala tuju ahli Puteri yang melebihi had umur keahlian 35 tahun, dan sama ada peringkat kepimpinan boleh mendapat tempat sewajarnya apabila menyertai Pergerakan Wanita.

Kedudukan Puteri kini semakin mantap apabila diputuskan untuk menjadi satu entiti tersendiri yang sama seperti Pergerakan Pemuda

dan Wanita, manakala status Ketua Puteri juga dicadangkan untuk disamakan dengan kedudukan Naib Presiden iaitu sama seperti status Ketua Pemuda dan Ketua Wanita.

Mengulas lanjut, Azalina berkata beliau memang telah menasihatkan anak buahnya supaya jangan terlalu memikirkan mengenai kedudukan dan jawatan dalam parti, kerana itu hanya boleh membawa perpecahan sesama ahli.

“Lihat apa yang berlaku sekarang, kalau sibuk sangat pasal jawatan maka akan berlaku kejadian bunuh membunuh, tikam menikam.. satu keadaan yang tidak patut berlaku sama sekali.

“Bagi saya tugas Puteri ialah untuk meramaikan ahli Umno bukan untuk memburu jawatan. Kalau dia hendakkan jawatan maka silaplah, patutnya dia tidak payah masuk parti,” katanya.

Azalina yang semakin mencipta nama di gelanggang politik tanah air sejak dua tahun lalu, berkata amanat Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika perhimpunan iaitu meminta generasi muda supaya memastikan Umno terus relevan bagi kekuatan bangsa, agama dan tanah air, akan dijadikan pedoman Puteri.

“Bagi saya apa yang diminta bukan sesuatu yang mustahil, apa yang diperlukan di sini ialah keikhlasan diri masing-masing,” katanya.

Menjawab soalan, Azalina berkata ketika ini Puteri tidak menghadapi sebarang masalah tetapi yang mencetuskan masalah ialah kalangan yang tidak suka akan kehadiran kalangan wanita muda itu di dalam parti.

Katanya, peristiwa yang membabitkan dirinya akhir-akhir ini sudah cukup untuk membuktikan bahawa ada yang tidak senang menonjolkan kumpulan paling bongsu dalam keluarga Umno itu.

“Saya tidak tahu siapa yang mencetuskan, saya tidak ada bukti. Dalam politik aca saja boleh berlaku. Ada yang menuduh orang dalam Umno sendiri cuba mencetuskan masalah, tetapi mana kita tahu jika perkara itu diuruskan oleh parti lawan. Siapa yang melakukan perkara itu sudah tentu tidak akan memberitahu siapa yang menjadi penajanya,” katanya.